

MAHATHIR-JANJI

1978

774

KOTA BAHARU, 10 MAC (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MEMBIDAS PAS KERANA MENUDUH BARISAN NASIONAL MELAKUKAN +RASUAH POLITIK+ MENERUSI JANJI-JANJINYA UNTUK MEMBAWA PEMBANGUNAN KE NEGERI KELANTAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENEGASKAN JANJI-JANJI ITU BUKAN SATU RASUAH POLITIK KERANA BARISAN NASIONAL MAMPU DAN BOLEH MENUNAIANNYA.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGHADIRI MAJLIS TAKLIMAT MENGENAI PERJALANAN KEMPEN PILIHANRAYA BARISAN NASIONAL DI BANGUNAN UMNO DI SINI MALAM TADI.

TURUT SAMA DALAM TAKLIMAT SELAMA LEBIH DUA JAM ITU IALAH Pengerusi BN Kelantan Tengku Razaleigh Hamzah dan para pemimpin Barisan Negeri.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BARISAN NASIONAL TIDAK JDA MELAKUKAN +APA-APA CUMA BERJANJI UNTUK BERKHIDMAT UNTUK MASYARAKAT+. +APA ERTINYA KHIDMAT JIKA TIDAK BERJANJI DAN BERIKRAR, SEDANGKAN KITA BOLEH MENUNAIKANNYA. — BERSAMBUNG 1047/A1

B5245

MAHATHIR-JANJI 2 KOTA BAHARU

+INI SUDAH PUN KITA BUKTIKAN KERANA BILA KITA BERJANJI HENDAK DIRIKAN SEKOLAH, KITA DIRIKAN DAN BEGITU JUGA LAIN-LAIN KEMUDAHAN SEPERTI JALANRAYA, + TEGASNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA NAIB PRESIDEN UMNO MALAYSIA BERKATA JIKA JANJI-JANJI ITU DIANGGAP RASUAH POLITIK+ TIDAKKAH PAS SEMASA BERADA DALAM BARISAN NASIONAL DULU TIDAK TURUT TERLIBAT?+

MENGENAI KEMPEN BARISAN NASIONAL, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BERPUASHATI DENGAN PERJALANAN DAN PERSIAPAN-PERSIAPAN YANG TELAH DIATUR BAGI MENGHADAPI HARI MEMBUANG UNDI ESOK.

MENJAWAB SATU SOALAN, BELIAU MENEGASKAN TINDAKAN POLIS MENG-HARAMKAN RAPAT-RAPAT UMUM DALAM PILIHANRAYA ITU TELAH MENJEJASKAN KEMPEN BARISAN NASIONAL SAMA JUGA PAS DAN LAIN-LAIN PARTI DAN CALON.

BELIAU BAGAIMANAPUN MENJELASKAN TUJUAN UTAMA LANGKAH ITU BUKANLAH UNTUK MENYEKAT KEGIATAN MANA-MANA PIHAK TETAPI SEMATA-MATA UNTUK MENCEGAH KEMUNGKINAN BERLAKUNYA INSIDEN-INSIDEN YANG TIDAK DIINGINI DEMI KESELAMATAN RAKYAT KELANTAN SENDIRI. — BERNAMA 1103/A1